

Rai Aidilfitri mesti ikut syarak

Kegembiraan hari raya harus dikongsi bersama tanpa mengira darjat



Oleh Hasliza Hassan

? Hari ini umat Islam menyambut Aidilfitri sebagai meraikan kejayaan menunaikan ibadah puasa sepanjang Ramadan. Apakah cara terbaik untuk umat Islam menghayati sambutan hari mulia ini.

Aidilfitri adalah hari penganugerahan Allah kepada umatnya yang benar-benar beriman sebagai tanda kemenangan selepas sebulan berjuang melawan hawa nafsu, menahan lapar dan dahaga semata-mata menjunjung perintah Allah. Aidilfitri juga hari kemenangan dan kemuliaan yang mengiringi Ramadan, bulan yang diberkati.

Hari raya dalam Islam ada dua iaitu Aidilfitri dan Aidiladha. Hari raya dalam Islam berbeza dengan hari raya agama lain kerana ia berkait rapat dengan akidah. Bahkan hari raya adalah hari ibadah bagi umat Islam.

Aidilfitri disambut sejak kemunculan waktu Maghrib awal Syawal dengan laungan takbir membesarkan Allah. Ia suatu isyarat jelas bahawa hari raya adalah ibadah. Bertakbir membesarkan Allah membuktikan ketaatan dan tunduk kepada-Nya tidak berbelah bahagi dengan penuh ikhlas. Pada hari raya, Islam membenarkan bahkan menggalakkan umat untuk bergembira. Jangan bermuram durja pada hari kemenangan itu. Orang miskin diberikan sedekah iaitu zakat fitrah supaya tidak ada orang lapar pada hari itu.

Kegembiraan dikongsi bersama tanpa mengira darjat. Bukti hari raya sebagai hari kegembiraan sehingga diharamkan berpuasa pada hari raya. Selain itu, pada hari raya digalakkan kita menggembarakan orang miskin dan kanak-kanak, tolong-menolong, mengeratkan silaturahmi menerusi amalan ziarah-menziarahi, bermaaf dan bersalaman.

? Apakah adab yang perlu dijaga atau diberi perhatian ketika meraikan Aidilfitri.

Oleh kerana hari raya adalah hari ibadah, maka adalah perlu kita menjaga adab berhari raya seperti menunaikan solat hari raya secara berjemaah. Pergi awal ke masjid atau surau untuk bertakbir membesarkan Allah dan mendengar khutbah hari raya. Pada Aidilfitri kita juga digalakkan makan dulu sebelum ke masjid sebagai mematuhi perintah Allah itu diharamkan berpuasa.

Pergi ke masjid melalui satu jalan dan pulang dengan mengikut jalan lain. Hikmah sebaliknya ialah supaya kita dapat berjumpa dengan lebih ramai orang untuk mengeratkan silaturahmi. Memakai pakaian terbaik yang dimiliki, tidak semes-

“Kita terpengaruh dengan budaya bersalaman tidak kira mahram. Kita juga disuruh ziarah-menziarahi, tetapi jangan pula bawa anak dara orang ke sana ke mari. Itu bukan budaya Islam”

Datuk Abdul Majid Omar
Timbalan Mufti Selangor



tinya pakaian baru tetapi mesti menutup aurat dengan sempurna. Makan dan minum dengan rasa syukur kepada Allah.

Apabila makan, jangan keterlaluan. Elakkan pembaziran kerana membazir adalah saudara syaitan. Disunatkan bergembira pada hari raya, tetapi jangan sampai meleakakan diri daripada mengingat Allah. Jangan abaikan solat atau melewatkan waktu solat kerana menikmati hiburan.

Eratkan ikatan persaudaraan dan kasih sayang sempena hari yang mulia itu. Bermaaf-maafan terhadap kesalahan yang mungkin berlaku. Hentikan permusuhan dan perbalahan. Sambungkan hubungan yang terputus. Bersifat dengan sifat pemaaf kerana orang yang boleh memaafkan kesalahan orang lain terhadap dirinya adalah suatu kemuliaan di sisi Allah.

? Sejauh mana masyarakat negara ini benar-benar menghayati konsep sambutan Aidilfitri atau mungkin kita tersasar daripada syariat Islam.

Aidilfitri adalah hari raya fitrah dan menjadi fitrah manusia melakukan kebajikan. Justeru, aktiviti sepanjang meraikan Aidilfitri perlulah aktiviti yang mengikut syariat Islam dan direzaki Allah. Hari raya milik Allah kerana Allah yang menganjurkannya, jadi sambutan perlu sesuai dengan kehendak Allah.

Boleh dikatakan masyarakat negara ini masih memenuhi syariat, tetapi tidak dinafikan masih ada segelintir yang gagal menghayati tuntutan sambutan hari raya itu. Dalam bab menghias rumah memang digalakkan tetapi tidak semestinya semua hendak yang baru. Di sini yang kita selalu tersasar iaitu dalam membuat persediaan hari raya sehingga berlaku pembaziran. Persediaan untuk hormatkan dan jamu tetamu itu perkara baik, yang tidak baik ialah melakukannya secara berlebihan. Jangan buat ketupat banyak hingga tidak termakan dan jadi basi. Kita buat setakat yang diperlukan dan jangan kita sambut raya sampai berhutang. Berbelanja biar

mengikut kemampuan. Tetamu tidak datang tanya ini langsir tahun lepas ke? Itu perasaan kita saja. Jika langsir tahun lalu elok lagi, boleh cuci dan gunakan, pakai semula.

Jika banyak duit, boleh digunakan untuk perkara yang lain seperti bersedekah, bagi duit raya. Itu tidak salah, kerana dengan cara itu kita juga mengajar anak bersikap pemurah. Lagi satu, konsep salam bermaafan nampaknya turut tersimpang. Kita disuruh bermaafan, tetapi bukan mahram tidak boleh. Ia ada sekatan, tetapi nampaknya kita terpengaruh dengan budaya bersalaman tidak kira mahram. Kita juga disuruh ziarah-menziarahi tetapi jangan pula bawa anak dara orang ke sana ke mari. Itu bukan budaya Islam.

? Bagaimana ibu bapa hendak menerapkan nilai baik supaya matlamat sambutan Aidilfitri dapat dihayati terutama golongan muda hari ini.

Sambutan hari raya sepatutnya direbut sebagai peluang untuk mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan. Kesempatan ini sewajarnya digunakan ibu bapa untuk menerapkan nilai baik kepada anak seperti pergi menziarah saudara-mara dan berkenalan untuk mewujudkan silaturahmi yang menjadi konsep hari raya.

Jika ibu bapa tidak kenalkan anak mereka dengan saudara mara, itu yang buat hubungan renggang. Antara punca berlakunya masalah sosial kerana tidak ada hubungan. Dulu jika anak orang buat tidak baik, kita boleh tegur dan apabila anak kita buat tidak baik, orang lain boleh tegur. Tetapi sekarang kita tidak boleh tegur sebab tidak ada hubungan.

Yang wujud ialah suasana nafsi-nafsi, hidup sendiri-sendiri. Sebab itu digalakkan silaturahmi, kasih sayang, tolong menolong antara jiran, keluarga. Jika anak tidak mahu ikut, sebaiknya ibu bapa pujuk dan rancang masa menziarah. Jadi, ambil peluang berjumpa dan merapatkan kembali hubungan sempena Aidilfitri ini untuk menyatukan keluarga.

? Ada juga berpendapat hari raya adalah hari cuti dan sebaik selepas menunaikan solat sunat Aidilfitri, mereka tukar baju kemudian duduk depan televisyen. Bagaimana kita melihat golongan ini.

Isalam tidak melarang kita menonton televisyen untuk mengikuti program hebat yang disediakan sepanjang hari raya, tetapi jangan sampai tetamu datang kita tidak ambil tahu. Jangan disebabkan asyik menonton televisyen, kita abaikan amalan ziarah menziarahi.

Dalam Islam, selain kita digalak ziarah orang kita juga perlu melayan tetamu yang datang rumah kita. Ia konsep Islam menjalin kemesraan. Maknanya, bukan menyekat menonton televisyen, tetapi pandai membahagi masa. Jika tidak, hilanglah pengertian serta matlamat hari raya itu.

Golongan ini barangkali kurang kesedaran, dia tidak tahu membahagikan masa mana yang lebih utama.

? Bagaimana Islam melihat amalan memberi duit raya kerana di sebaliknya amalan mulia itu, ada juga aspek negatif apabila jumlah pemberian mula dijadikan perbandingan hingga timbul rasa bermegah.

Pemberian duit raya tidak salah terutama apabila kita beri dengan ikhlas. Pada hari raya kita memang digalakkan bersedekah dan satu daripada caranya menerusi pemberian duit raya.

Tidak kira berapa jumlahnya, yang penting niat untuk bersedekah dengan hati ikhlas. Tujuan duit raya juga sebagai cara menggembarakan hati kanak-kanak yang datang berkunjung ke rumah kita. Oleh itu, jumlah biar ikut kemampuan. Jangan hendak berlumba atau bermegah kita bagi duit raya banyak yang penting biar dengan hati ikhlas.

? Bagaimana Islam melihat budaya rumah terbuka yang kini semakin popular terutama di kalangan masyarakat bandar.

Konsep rumah terbuka memang baik kerana kebanyakan kita bekerja dan memerlukan masa tertentu untuk meraihan saudara-mara, jiran tetangga serta sahabat handai. Disebabkan masa terhad, kita ambil keputusan adakan satu hari untuk menjemput tetamu berziarah dan menjamu mereka dengan hidangan istimewa.

Bagaimanapun, jangan disebabkan hendak mengadakan rumah terbuka, kita menghalang orang datang pada hari lain atau jika tidak ada rumah terbuka, kita tidak berziarah.

Jangan apabila rakan hendak berkunjung kita kata, kenapa tidak datang kelmarin masa saya buat rumah terbuka. Jangan sesekali budaya rumah terbuka menyekat tetamu datang ke rumah. Tetamu datang bukan semestinya hendak makan atau minum yang sedap-sedap. Itu perkara kedua kerana yang utama ialah berziarah, bertanyakan khabar dan bermaafan.